



الجامعة الإسلامية بملاكا
**UNIVERSITI
ISLAM MELAKA**

PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI MELAKA
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU
78200 MELAKA
Tel : 06-387 8443

No. Rujukan : UNIMEL/KEW/600.5.1/7/3 (025)

Tarikh : 04 Ogos 2026
20 Safar 1448H

Assalamualaikum wr.wb. / Salam sejahtera

Perkara	PERINGATAN AKHIR PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN SEMAKAN BAKI YURAN BAGI MAHASISWA/I YANG MENERIMA TAJAAN/PINJAMAN UNTUK SESI I 2026/2027.	
Kepada	Semua Mahasiswa/i Program Perdana Semester 2 dan ke atas. Semua Mahasiswa/i Program Pengajian Asasi. Semua Mahasiswa/i Program Pascasiswazah (IPS).	
Daripada	Bendahari, UNIMEL.	
Salinan kepada	➤ Naib Canselor ➤ TNCPI ➤ TNCAA ➤ TNC HEPA ➤ Dekan Fakulti ➤ Ketua Program ➤ Unit IT ➤ Pembantu Tadbir Fakulti	- untuk makluman YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. - untuk makluman Prof. Ts. Dr. - untuk makluman Ybhg. Dr - untuk makluman Tn. Hj. - untuk makluman - untuk makluman & tindakan - untuk tindakan hebahan memo di website. - untuk tindakan paparan memo di fakulti.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa ini merupakan **PERINGATAN AKHIR** kepada semua mahasiswa/i supaya menyemak status yuran pengajian masing-masing melalui **Portal Pelajar** dan memastikan semua bayaran yuran pengajian telah dijelaskan sepenuhnya.

3. Sehubungan dengan itu, semua mahasiswa/i hendaklah memastikan yuran pengajian dijelaskan sepenuhnya **sebelum atau pada 05 Ogos 2026 (Rabu)**. Mahasiswa/i bertanggungjawab memastikan semua bayaran yuran pengajian diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan sebarang sekatan terhadap urusan akademik.

4. Bagi mahasiswa/i yang menerima **tajaan atau pinjaman pendidikan**, sila buat semakan baki yuran pengajian melalui Portal Pelajar. Sekiranya masih terdapat baki yuran yang belum dijelaskan selepas bayaran tajaan atau pinjaman dikreditkan, mahasiswa/i hendaklah menjelaskan baki tersebut sepenuhnya mengikut tarikh yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan yuran pengajian masih dianggap belum dijelaskan sepenuhnya.

5. Kegagalan menjelaskan yuran pengajian dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan mahasiswa/i **tidak layak menerima Hall Ticket** dan seterusnya **tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir** bagi semester semasa selaras dengan peraturan dan ketetapan Universiti yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, semua mahasiswa/i diminta mengambil perhatian serius terhadap perkara ini. **Tiada sebarang rayuan akan dipertimbangkan.**

6. Pihak Universiti berharap agar semua mahasiswa/i memberikan kerjasama sepenuhnya dan mengambil tindakan segera bagi memastikan urusan kewangan dan akademik berjalan dengan lancar. Sebarang pertanyaan berkaitan semakan dan pembayaran yuran pengajian boleh diajukan kepada Pejabat Bendahari di talian 06-387 8449.

Kerjasama dan perhatian semua mahasiswa/i terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ ISMAIL BIN HASIM)

Bendahari

Universiti Islam Melaka